

TAKLIMAT OBE DAN INTERPRETASI KURIKULUM JMSK

Disediakan oleh: Munirah binti Salleh

Taklimat *Outcome based Education* (OBE) dan Interpretasi Kurikulum Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) telah dilaksanakan pada 06 Julai 2023 secara dalam talian. Tujuan taklimat ini diadakan adalah untuk memantapkan lagi pengetahuan sedia ada tentang OBE dan (*Course Learning Outcomes*) CLO dalam kalangan pensyarah JMSK disamping mendedahkan dan memantapkan kefahaman pensyarah JMSK mengenai hubungan OBE dengan kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta tugasan yang diberikan kepada pelajar.

Pengisian taklimat disampaikan oleh Penolong Pengarah Kanan Bahagian Kurikulum Jabatan Pengajian Kurikulum dan Kolej Komuniti (JPPKK) iaitu Puan Nur Sakinah binti Mohamad Saifull Bahri. Taklimat yang berlangsung selama dua jam ini telah membantu peserta dalam memantapkan lagi kefahaman tentang OBE dan kurikulum dalam masa yang sama sesi *brainstorming* tentang kurikulum sedia ada.

Taklimat ini dapat menghasilkan pensyarah yang lebih fokus, faham serta mahir dalam pelbagai kaedah PdP mengikut kehendak kurikulum. Hasil dari taklimat ini juga diharapkan dapat menghasilkan pelajar yang berjaya dalam pengajian berdasarkan tugasan yang diberikan sesuai dengan kehendak industri dan menghasilkan pelajar yang mempunyai kemahiran komunikasi, bekerjasama, kreatif dan *critical thinking*.


GAMBAR -GAMBAR PROGRAM

The poster features the logos of Politeknik Malaysia Ibrahim Sultan and JMSK (Jabatan Matematik Sains & Komputer). The title 'Taklimat' is written in large pink script letters above the subtitle 'OUTCOME BASED EDUCATION DAN INTERPRETASI KURIKULUM JMSK'. Below the subtitle is a portrait of Puan Nur Sakinah binti Mohamad Saifull Bahri, followed by her name and title: Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Kurikulum, JPPKK. The event details are listed as: 6 Julai 2023, 10:00am - 12:00pm, and a link <https://tinyurl.com/jmskOBE>. The organizer is the ANJURAN JABATAN MATEMATIK, SAINS DAN KOMPUTER, POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN.

Slide pengenalan penceramah

A screenshot of a Microsoft Teams video conference interface. The main screen displays a presentation slide with the title 'Bengkel Interpretasi Kurikulum' and subtext about the program, date (06 July 2023), and location (Unit Pengajian Umum, Bahagian Kurikulum, JPPKK). The Teams interface shows a grid of participant video feeds at the top and a list of participants in the 'Participants' pane on the right. The desktop taskbar at the bottom shows other open applications like Microsoft Word and Excel.


Penceramah sedang memulakan taklimat



Penceramah menunjukcara bagaimana untuk mencapai direktori staf JPPKK



Peserta sedang khusyuk memberi perhatian ketika taklimat berlangsung



Pengisian ketika taklimat berlangsung